

PM bukti kemampuan terajui negara ketika krisis

Saya mengikuti wawancara khas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sempena setahun pentadbiran Perikatan Nasional (PN).

Daripada visual dipaparkan, saya dapat melihat kejujuran dan keikhlasan beliau sepanjang menjawab soalan dikemukakan pemberita.

Paling menyentuh hati apabila Perdana Menteri ditanya apa mendorongnya selama setahun menerajui kerajaan.

Dengan rendah diri beliau menjawab: “Yang menjadi pendorong saya ialah rasa tanggungjawab dan amanah yang mesti saya tunaikan.”

Saya yakin disebabkan rasa keber-tanggungjawaban dan amanah itulah yang masih meletakkan Ahli Parlimen Pagoh berkenaan di kerusi Perdana Menteri walaupun wujud pelbagai gangguan dan cubaan menjatuhkannya selama setahun menerajui negara.

Saya percaya pada takdir, ketentuan Allah SWT dalam setiap perkara dan percaya kepada firman Allah SWT: “*Jika Allah berkehendakkan sesuatu itu terjadi, maka terjadilah ia.*” (Yasin: 82)

Jawapan susulan Muhyiddin pada wawancara khas itu juga berteraskan perkara sama ketika ditanya mengenai jawatan tertinggi dalam kerajaan yang disandangnya.

“Semuanya kerana kuasa Allah. Saya pun tidak pernah bermimpi, tetapi apa-



Keratan akhbar BH, Isnin lalu.

bila dilantik, saya tahu ini amanah, tanggungjawab besar dan jawatan paling penting dalam negara.

“Jadi saya sedar, apabila pegang amanah, sebagai seorang Islam, saya tidak boleh abaikan kerana akan ditanya di akhirat nanti,” katanya.

Beliau mengakui, jawatan Perdana Menteri datang bersama tanggungjawab melakukan yang terbaik untuk negara dan rakyat walaupun pelantikannya bukan melalui Pilihan Raya Umum (PRU), sebaliknya disebabkan krisis politik awal tahun lalu.

Sepanjang setahun itu, saya dan jutaan rakyat dapat melihat apa dilakukan Muhyiddin sejak hari pertama

menjadi Perdana Menteri.

Seperti dimaklumkan pada wawancara khas itu, beliau bermesyuarat setiap hari mencari jalan menyelamatkan Malaysia dan membantu rakyat dalam keadaan negara diancam wabak.

Ita bukan sekadar omongan kerana sudah terbukti itu dilakukan beliau dan kerajaan, melalui pelbagai inisiatif dan usaha melindungi nyawa serta kesihatan, mengimbangi keperluan ekonomi dan kehidupan.

Daripada mesyuarat setiap hari itulah, lahir pakej rangsangan tersusun dengan nilai bantuan makro dan mikro berjumlah lebih RM300 bilion, termasuk Bantuan Prihatin Nasional (BPN)

dan Bantuan Prihatin Rakyat (BPR), manakala lebih RM3 bilion pula diperuntukkan bagi melindungi kesihatan melalui pembelian vaksin COVID-19.

Institusi kewangan pula diajak membantu dengan pelaksanaan moratorium atau penangguhan bayaran balik pinjaman, manakala Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mewujudkan skim i-Lestari dan i-Sinar yang nilainya berbilion ringgit bagi meringankan beban jutaan pencarum.

Semua bentuk bantuan diusahakan kerajaan sepanjang tempoh setahun lalu, daripada Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PR-IHATIN) hingga Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) ada rekodnya.

Sejak 1 Mac tahun lalu, tidak banyak berita Perdana Menteri berbicara soal politik, sebaliknya apa yang banyak ialah serangan politik terhadap beliau.

Saya yakin kritikan dan serangan terhadap Perdana Menteri serta PN tidak akan terhenti, tetapi rakyat pasti bijak menilai dan tidak lupa kepada kerajaan prihatin apabila tiba masanya memilih pentadbiran baharu pada PRU nanti.

Khusairi Abd Manaf,
Segamat, Johor